

ANGIN BERADU KUAT DENGAN AWAN



NAMA : _____

KELAS : _____

SEKOLAH : _____



www.zoom-a.com
Pembelajaran Interaktif Melalui Internet

ANGIN BERADU KUAT DENGAN AWAN



NAMA : _____

KELAS : _____

SEKOLAH : _____



www.zoom-a.com

Pembelajaran Interaktif Melalui Internet




Pada suatu hari, angin bertemu dengan awan. Angin dengan sombong berkata, "Wahai Sang Awan! Aku lebih kuat daripada engkau."





Awan dengan angkuh turut berkata, "Wahai Sang Angin! Aku lebih kuat daripada engkau."






Mereka bersetuju untuk beradu siapakah yang lebih kuat.

Kebetulan pada ketika itu, mereka melihat seorang pemuda sedang berjalan.



www.zoom-a.com
Pembelajaran Interaktif Melalui Internet






Angin lalu berkata, "Sesiapa yang berjaya membuka jubah pemuda itu akan menjadi juara."

Awan bersetuju dengan cadangan angin.



www.zoom-a.com
Pembelajaran Interaktif Melalui Internet





Angin pun terus bertiup kencang.
Pemuda itu memegang jubahnya
kuat-kuat. Dia tidak mahu jubahnya
diterbangkan oleh angin.






Tibalah pula giliran awan. Awan segera menurunkan hujan dengan lebatnya.

Pemuda itu memeluk tubuhnya kerana kesejukan.






“Ha! Ha! Ha!” angin dan awan terdengar suara matahari ketawa.

“Kamu berdua sangat sombong kerana menyangka kamu lebih kuat,” kata matahari.





“Sekarang giliranku pula untuk cuba membuka jubah pemuda itu,” kata matahari lagi.

Matahari memancarkan cahaya panas teriknya.




www.zoom-a.com
Pembelajaran Interaktif Melalui Internet





Pemuda itu merasa panas.
Badannya berpeluh. Dia segera
membuka jubahnya.





“Lain kali, janganlah menyangka kamu lebih kuat dan menganggap orang lain lemah,” ujar matahari lagi.

Angin dan awan merasa malu.



www.zoom-a.com
Pembelajaran Interaktif Melalui Internet

